

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB TUAN M. KULASEGARAN (Ipoh Barat)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah cadangan/syor Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dalam laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli 2013 untuk menubuhkan Tribunal ataupun Suruhanjaya Tanah Orang Asal (Syor ke-4) sebagai mekanisme keadilan (*redress mechanism*) akan dilaksanakan oleh Kerajaan supaya pertelingkahan tanah Orang Asal dapat diselesaikan dengan berkesan.

**JAWAPAN YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak semua Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan penubuhan tribunal sebagai mekanisme keadilan (*redress mechanism*) memandangkan negeri-negeri tersebut telah pun mempunyai sistem pengadilan atau mahkamah khas yang tersendiri bagi menangani isu berkaitan tanah Orang Asli/Asal masing-masing.

Sekian, terima kasih.